

Penduduk Pantai Permai kecewa NPE belum pasang jubin

Tiga tahun tunggu janji

Oleh ARDYHANSAH AMAT
kota@utusan.com.my

PANTAI DALAM 22 Jun – Bagi hampir 4,000 penduduk Projek Perumahan Pantai Permai, tempoh tiga tahun adalah satu jangka masa yang lama untuk sesuatu janji ditunaikan.

Jika sukar untuk ditunai, kata mereka, usah berjanji dan cari alternatif lain kerana apabila sudah berjanji, penduduk di situ sudah diberikan harapan.

Tuntutan mereka ialah pemasangan jubin dan kabinet dapur yang dianggar bernilai RM5,000 dan ia sudah dipersetujui oleh pemaju Lebuhraya Pantai Baru (NPE).

NPE bertindak sebagai pemaju Perumahan Pantai Permai setelah syarikat itu mengambil alih tanah yang didiami oleh penduduk bagi pembinaan lebuhraya itu.

Pengerusi Rukun Tetangga Pantai Permai, Adnan Mudzi berkata, persetujuan tersebut telah dicapai antara penduduk dan pihak NPE sejak tahun 2006 tetapi sehingga kini, ia masih belum ditunaikan.

Pada awalnya, NPE menjual seunit rumah dengan harga RM42,000 tetapi harga tersebut dinilai tidak setimpal dengan rumah yang dibeli.

Sepatutnya, rumah tersebut sekitar RM32,000 sahaja dan perkara ini dipersetujui oleh NPE pada tahun 2006.

Mengikut persetujuan ketika itu, NPE tetap akan menjual rumah tersebut dengan harga yang sama tetapi berjanji akan memasang jubin dan



RAJA Nong Chik bersama Ketua Cawangan UMNO Kampung Pasir Baru Indah, Adnan Mudzi (tengah) melawat Raja Kamaruddin Raja Sudin 87, warga emas yang lumpuh untuk menyerahkan bantuan kerusi roda di Perumahan Pantai Permai, Pantai Dalam, semalam. – UTUSAN / RASHID MAHFOP

kabinet dapur dengan harga RM5,000," katanya sewaktu ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tindakan pemaju yang dilihat seolah-oleh lupa akan janji mereka menyebabkan sebahagian penduduk yang mengambil keputusan untuk mema-

sang jubin dan kabinet sendiri.

Selain daripada tuntutan tersebut, penduduk juga meminta NPE membina dewan di kawasan perumahan berkenaan bertujuan memudahkan penduduk mengadakan aktiviti kemasyarakatan seperti sambutan pe-

rayaan, gotong royong, hari keluarga dan sebagainya.

"Sejak kami menduduki kawasan perumahan ini pada penghujung 2005, tidak ada dewan dibina oleh pihak pemaju," katanya.

Penduduk juga meminta pemaju

menambah jumlah petak meletak kenderaan di kawasan perumahan itu kerana jumlah yang ada tidak setara dengan jumlah unit rumah di situ.

Difahamkan, terdapat sebanyak 898 unit rumah di Perumahan Pantai Permai.

"Selain daripada itu, penduduk juga meminta agar pihak pemaju dapat mengurangkan kadar bayaran perkhidmatan penyelenggaraan bangunan daripada RM55 kepada RM35 sebulan.

"Ini kerana dalam keadaan ekonomi yang perlahan sekarang ini, tambahan pula sebahagian besar penduduk mempunyai sumber pendapatan yang rendah, pengurangan caj itu boleh melegakan sedikit penduduk," katanya.

Adnan berharap agar pihak pemaju dapat memenuhi permintaan tersebut bagi membantu penduduk yang terbeban dengan pelbagai bayaran yang perlu dijelaskan setiap bulan," katanya.

"Pihak kami telah mengemukakan perkara ini kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

"Kami difahamkan pihak menteri akan mengambil perhatian terhadap perkara ini dan akan berbincang dengan NPE untuk mencari jalan penyelesaiannya," ujar Adnan.

Sebelum itu, Raja Nong Chik hadir merasmikan Persidangan UMNO cawangan Kampung Pasir Baru Indah.

Beliau turut menyampaikan bantuan berbentuk kerusi roda kepada dua buah keluarga orang kurang upaya di kawasan perumahan terbabit.

